

Seminar Kebangsaan "Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam"

Dewan Jubli, Selangor Darul Ehsan 17 September 2002

"Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam"

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Perkembangan Minda (INMIND) kerana menjemput saya untuk merasmikan seminar "Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam"

2. Kedatangan Islam telah membawa perubahan besar kepada umat manusia. Dunia Kristian juga, yang berada dalam Zaman Kegelapan atau Dark Ages dicerahkan oleh Islam. Daripada orang Islamlah mereka mempelajari berbagai-bagai jenis ilmu termasuk ilmu hisab dan sains dan ilmu pelayaran yang membantu pembangunan dan kemajuan negara-negara mereka

3. Tetapi kesan yang terbesar dari kedatangan Islam ialah di kalangan Arab Jahiliah yang mempunyai kepercayaan dan budaya yang amat kolot. Dengan penerimaan agama Islam bangsa yang kolot ini, yang bermusuhan sesama sendiri tanpa sebab, telah bersatupadu, bersaudara, mengejar ilmu, membuka minda mereka dan berjaya mendirikan satu tamadun dan empayar yang tidak ada tolok bandingannya

4. Pemerintahan kepimpinan Rasulullah yang didirikan oleh bekas Arab Jahiliah di Madinah memperkenalkan perlembagaan yang tertib dan tersusun yang tidak pernah dilihat di dunia sebelum itu. Piagam ini tidak menolak adanya orang bukan Islam yang menjadi penduduk Madinah dan memberi hak kepada mereka sebagai wargakota Madinah. Piagam ini cukup adil. Orang bukan Islam dihukum mengikut undang-undang mereka

5. Rasulullah s.a.w. juga tidak mengisytiharkan Madinah sebagai negara Islam. Konsep negara atau "nation state" seperti yang kita tahu sekarang tidak ada di zaman itu. Di Eropah juga tidak ada "nation state" tetapi ada "warlords" yang menguasai kawasan tertentu dan sering berperang sesama sendiri, walaupun mereka daripada bangsa yang sama

6. Wilayah yang dikuasai oleh orang Islam memberi kesetiaan kepada seorang Khalifah. Orang Islam menganggap mereka semua adalah daripada satu ummah, atau dalam bahasa Inggeris "satu community". Soal negara Islam tidak timbul.

7. Apabila Islam berkembang ke seluruh dunia pemerintahan tempatan diletak di bawah ketua-ketua yang dipilih oleh

Khalifah. Oleh kerana wilayah Islam ini terlalu jauh dari Baghdad atau Damsyik di mana Khalifah tinggal, maka ramai daripada ketua wilayah ini berlagak sebagai raja tempatan. Ada juga yang merebut kuasa tanpa izin Khalifah dan mendakwa diri mereka sebagai raja dengan berbagai-bagai gelaran, termasuk juga gelaran "Khalifah

8. Tidak ada perlembagaan yang diketahui yang menjadi undang-undang asas kepada apa yang dikenali sekarang sebagai Empayar Islam. Empayar Islam bukan seperti Empayar Rom atau Empayar-empayar Barat yang lain yang merupakan wilayah bangsa-bangsa lain yang ditakluk oleh penjajah sebagai empayar mereka. Empayar Islam terdiri dari wilayah yang majoriti penduduk telah menerima agama Islam atau orang yang beragama Islam berkuasa dan membentuk pemerintahan.

9. Apabila Turki menjadi kuasa besar dalam dunia Islam maka Sultan Turki di terima sebagai Khalifah bagi umat Islam. Pemerintahan tempatan tidak dikuasai sepenuhnya oleh Turki, tetapi tinggal di tangan ketua-ketua tempatan. Apabila British dan Perancis berperang dengan Turki, mereka menghasut Ketua-ketua tempatan yang bukan berbangsa Turki supaya menuntut kebebasan daripada kuasa Turki dan mendirikan negara-negara sendiri dengan menggunakan konsep "nation state" ala Eropah. Ketua-ketua tempatan ini tertipu kerana apabila wilayah mereka di bebaskan daripada Turki, mereka ditakluk dan dijajah sebagai koloni British dan Perancis. Apabila kemudian mereka dapat bebaskan wilayah-wilayah mereka, sistem khalifah sudah tidak ada lagi dan mereka dirikan "nation state" ala Eropah. "Nation state" ini dikenali oleh dunia Islam dan juga bukan Islam sebagai negara-negara Islam. Soal perlembagaan atau sistem pemerintahan dan undang-undang yang dikuatkuasakan tidak menjadi syarat untuk negara-negara ini diterima sebagai negara Islam

10. Sejak awal lagi wilayah yang diperintah oleh orang Islam memberi kebebasan kepada orang bukan Islam mengikut undang-undang mereka sendiri asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang Islam atau syariat Islam. Orang-orang bukan Islam di wilayah yang diperintah oleh orang Islam tidak dikenakan zakat tetapi membayar cukai kepala kepada pemerintah. Dalam pengamalan agama, bukan Islam bebas beribadat cara mereka. Surah Al-Khafirun dalam Al-Quran jelas memberi kebebasan keagamaan kepada orang bukan Islam

11. Demikianlah kebebasan beragama dalam wilayah yang diperintah oleh orang Islam sehingga penganut agama lain kerap berhijrah ke wilayah yang diperintah oleh orang Islam untuk menyelamatkan diri daripada penindasan penganut agama lain, terutama oleh orang Kristian di Eropah. Apabila orang Kristian Sepanyol menawan semula Semenanjung Sepanyol ramailah Yahudi

yang memilih untuk pindah bersama dengan orang Islam ke Afrika Utara, iaitu ke Maghribi, Al-Jazair, Tunisia dan Mesir. Di wilayah yang diperintah oleh Turki juga terdapat ramai orang Kristian dan Yahudi yang diberi perlindungan oleh Pemerintahan Turki yang diketuai oleh Sultan bergelar Khalifah

12. Terdapat juga bukti bahawa orang bukan Islam mengambil bahagian dalam pentadbiran wilayah Islam. Di Al-Andalus, iaitu Sepanyol terdapat orang Yahudi yang menjadi menteri dalam pemerintahan wilayah-wilayah tertentu. Namun keIslaman wilayah-wilayah ini tidak dipersoalkan. Orang Kristian dan Yahudi menerima wilayah-wilayah ini sebagai wilayah Islam

13. Di sebaliknya ada juga orang Islam yang berhijrah ke negara bukan Islam. Ini berlaku kerana tekanan di wilayah Islam oleh pemerintahan atau penjajah atau kerana ekonomi yang merosot atau untuk berdagang. Terdapat ramai orang Arab Islam yang berhijrah ke Amerika Latin dan di zaman ini ke Amerika Syarikat. Sementara mereka kekal dengan agama Islam, tetapi mereka terima undang-undang tempatan yang tidak memisahkan mereka daripada agama Islam. Kelonggaran yang diberi dalam pengamalan agama Islam memudahkan penyesuaian kehidupan mereka dengan keadaan tempatan. Jarang sekali berlaku orang Islam meninggalkan agama Islam semasa bermastautin di negara bukan Islam

14. Dengan runtuhnya sistem Khalifah yang secara longgar mendapat kesetiaan seluruh umat Islam, dan wujudnya negara-negara yang bercorak "nation states" dalam dunia Islam, maka pemerintahan negara-negara dijalankan mengikut intepretasi Islam dan keadaan dalam negara masing-masing. Perbezaan yang terdapat dalam pemerintahan negara-negara ini tidak meniadakan keIslaman negara-negara ini

15. Sistem pemerintahan di zaman moden ini sudah berubah daripada sistem feudal kepada sistem yang demokratik. Walaupun masih ada negara Islam yang feudal tetapi semakin ramai yang menerima dan mengamalkan sistem demokratik tanpa kehilangan status mereka sebagai negara Islam

16. Sistem pemerintahan oleh Nabi tidak feudal. Nabi tidak menamakan zuriatnya sebagai pemimpin umat Islam. Sebaliknya apabila Baginda wafat, penggantinya dipilih daripada sahabat-sahabatnya. Empat Khalifah yang pertama yang terdiri daripada sahabat Nabi dikenali dengan gelaran Khalifah Al-Rasyidun iaitu Khalifah yang paling terpimpin dan mematuhi peraturan-peraturan Allah dan Rasul (the Most Guided Caliphs

17. Tetapi walaupun mereka diakui sebagai Khalifah yang istimewa dan terpimpin, dan kita sebut nama-nama mereka dalam khutbah, tiga daripada mereka mati dibunuh oleh orang Islam sendiri. Yang jelas ialah pada zaman itu pun sudah ada orang

Islam yang menyoal keIslaman pemimpin dan pemerintah sehingga sanggup membunuh pemimpin yang terdiri daripada sahabat dan keluarga Nabi, Khalifah yang mendapat petunjuk dari Allah dan pimpinan oleh RasulNya. Sepanjang sejarah Islam hingga ke hari ini tetap ada kelompok-kelompok Islam yang bukan sahaja tidak bersetuju dengan kepimpinan umat Islam semasa tetapi sanggup mencetus huru-hara, mengelirukan orang Islam dan menolak keIslaman pemerintah, dengan niat untuk merebut kuasa bagi mereka

18. Di zaman Kulafak Al-Rasyidun terdapat puak Khawarij yang terdiri dari orang yang kononnya kuat berpegang kepada agama tetapi sering mencetuskan kacau bilau dan mencuba menjatuhkan Kerajaan-Kerajaan negara Islam melalui hasutan dan keganasan. Bagi mereka ini, hanya mereka sahaja yang Islam dan orang Islam lain terutama pemerintah semuanya tidak Islam. Mereka menolak persaudaraan dalam Islam. Yang anehnya mereka ini tidak pernah berperang dengan orang yang bukan Islam. Oleh kerana mereka suka bermusuh dengan orang Islam lain, masyarakat Islam tidak pernah aman. Secara tidak langsung mereka bersubahat dan membantu musuh- musuh Islam

19. Tabiat Khawarij terdapat di sepanjang zaman. Tidak ada pemerintahan Islam yang tidak diganggu oleh orang jenis ini yang suka menolak keIslaman orang Islam lain, keIslaman pemerintahan Islam dan mencetuskan huru- hara dalam wilayah Islam sehingga musuh-musuh Islam mendapat kesempatan untuk menyerang dan menewas umat Islam

20. Soalan samada sebuah negara yang diperintah oleh orang Islam adalah Islam atau tidak selalunya datang daripada puak ini. Tujuan soalan ini dibuat ialah untuk menghalalkan percubaan mereka menggulingkan pemerintah dan merebut kuasa. Walau apa pun bukti yang ditunjuk bahawa negara berkenaan adalah negara Islam, puak ini tetap akan menolak keIslaman negara dan mencuba menjatuhkan Kerajaan. Bahawa majoriti daripada orang Islam mengiktiraf keIslaman negara berkenaan, pemerintahan dan kepimpinannya, tidak juga dapat meyakinkan mereka ini akan keIslaman negara tersebut. Justeru itu sia-sia sahajalah usaha untuk membuktikan keIslaman Negara

21. Malaysia diakui oleh dunia, samada Islam atau tidak Islam, sebagai negara Islam. Orang Islam Malaysia adalah orang Sunni atau Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bererti mereka berpegang kepada Sunnah Nabi dan juga kepada pendapat atau pegangan yang diterima dan diamal oleh jamaah Islamiah iaitu masyarakat umum. Dalam sebuah hadith, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Wajiblah ke atas kamu berpegang dengan Al- Jamaah, kerana Allah Ta'ala tidak mentakdirkan Al- Jamaah berada dalam kesesatan". Dalam mana-mana masyarakat tetap ada kumpulan-kumpulan yang kecil yang tidak mahu menerima pendapat umum.

Jamaah di sini bermakna kumpulan yang terbesar atau majoriti. Ahli Sunnah Wal Jamaah yang setia tidak boleh menolak pendapat umum supaya dapat mengikut pendapat puak dan kumpulan kecil yang berlainan dengan pendapat Jamaah. Berpecahnya umat Islam adalah disebabkan kumpulan penentang yang kecil ini, seperti Khawarij yang menolak pendapat Jamaah yang besar. Selagi ada kumpulan- kumpulan yang tidak mahu menerima pendapat Jamaah, atau pendapat umum daripada kumpulan yang terbesar, selama itulah perpecahan demi perpecahan akan berlaku. Mereka yang suka menentang Jamaah sudah terkeluar daripada golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka sebenarnya menolak Sunnah Nabi, yang antara lain menyuruh umat Islam menurut dan taat kepada pendapat jumlah yang terbesar daripada umat Islam

22. Jumlah yang terbesar daripada umat Islam di Malaysia dan juga di seluruh dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Ini sahaja sudah mencukupi untuk Malaysia diterima oleh orang Islam di Malaysia yang akur kepada pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebagai negara Islam. Alasan lain sebenarnya tidak perlu

23. Walaupun demikian kita boleh tunjuk kepada bukti yang jelas bahawa segala ajaran Islam yang mampu dilaksanakan oleh pemerintahan Malaysia telah dilaksanakan di Malaysia. Demikian orang Islam dan ajaran-ajaran Islam diberi perlindungan oleh Kerajaan Malaysia. Penyebaran ajaran sesat mengikut pendapat jemaah dihindar

24. Undang-undang Islam, atau hukum syarak dikuatkuasakan di Malaysia dengan mengambilkira keadaan negara berbilang agama ini dan keadilan yang menjadi perkara utama dalam undang-undang Islam. Islam memberi kelonggaran kepada pelaksanaan hukum mengikut keadaan. Demikian di negara yang orang Islam menjadi minoriti dan tidak berkuasa, hukum Islam di kuatkuasa setakat yang mampu dan tidak membawa bencana kepada orang Islam. Di negara yang penduduknya seratus peratus terdiri daripada orang Islam, hukum Islam boleh dilaksanakan sepenuhnya

25. Islam bukanlah semata-mata tertumpu kepada haram- halal, dosa-pahala dan hukum-hakam di dunia. Islam adalah Ad-Din atau cara hidup. Cara hidup meliputi segala-gala yang dilakukan semasa kehidupan orang Islam. Ini termasuk penyediaan bekalan makanan, pakaian dan bumbung di atas kepala. Juga hubungan anggota masyarakat Islam dengan orang Islam dan orang bukan Islam, menjadi sebahagian daripada cara hidup Islam. Pentadbiran, pelajaran, pertahanan, kesihatan, perhubungan dan perjalanan, kemudahan beribadat dan keselesaan kehidupan dan apa sahaja yang bersangkutan dengan kehidupan manusia termasuk dalam cara hidup orang Islam. Sudah tentu kehidupan ini

mestilah kehidupan yang bahagia, bebas daripada segala tekanan dan ketidakadilan

26. Di Malaysia cara hidup orang Islam adalah sempurna, bebas daripada segala tekanan, ketidakadilan atau kekurangan. Segala-gala yang bersangkutan dengan cara hidup Islam terdapat di Malaysia walaupun terdapat penganut agama lain di Malaysia

27. Semua yang di kehendaki oleh orang Islam supaya dapat hidup cara Islam terdapat di Malaysia. Oleh kerana ini dakwaan bahawa Malaysia adalah negara Islam memang berasas dan tepat

28. Pengiktirafan oleh orang yang berkepentingan terutama oleh orang yang menidakkan ajaran Islam, seperti mendakwa Tuhan adalah samseng terbesar, penjahat dan penipu; pengiktirafan oleh mereka seperti ini tidak penting. Samada mereka ini iktiraf atau tidak hakikatnya ialah Malaysia adalah negara Islam, diperintah oleh orang Islam, dan di mana segala suruhan Allah yang wajib diamalkan, boleh diamal dengan bebas dan selamat

29. Mereka yang menolak pendapat golongan yang terbesar antara orang Islam di negara ini, yang suka memecah belah orang Islam, mencetus huru-hara, mereka ini tidak berhak untuk menyoal Islam atau tidaknya Malaysia. Sudah tentu jika syarat mereka untuk mentakrifkan sebuah negara sebagai negara Islam hanya jika undang-undang yang dicipta oleh mereka diterima pakai, maka hari ini tidak ada satu pun negara di dunia yang boleh diiktiraf sebagai negara Islam. Ini adalah kerana tidak ada satu pun negara di dunia ini yang melaksanakan hukum-hukum ciptaan mereka ini, hukum-hukum yang telah dipinda oleh mereka dengan begitu mudah. Hukum Allah tidak boleh dipinda

30. Golongan minoriti ini tidak mempunyai apa-apa mandat untuk menentukan negara ini Islam atau tidak. Yang penting ialah jemaah Islam di Malaysia dan di tempat-tempat lain mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam

31. Bagi mereka yang celek dan berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar, Malaysia adalah negara Islam. Polemik berkenaan ini tidak akan menidakkan hakikat ini.